

Mansuh sahaja AP, hak eksklusif import gula

KUALA LUMPUR 4 OKT. - "Gula sebenarnya boleh dijual pada harga RM2.30 sekilogram, jangalah ambil untung melampau sangat."

Demikian tegas usahawan komoditi gula, Datuk Mustapa Kamal Mohd. Taib yang menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

campur tangan mengawal harga gula di pasaran tempatan.

Belliau yang juga Pengerusi Eksekutif MKMT Group of Companies mahu kerajaan Pakatan Harapan (PH) berusaha menjadikan Malaysia sebagai hab barangan komoditi di peringkat ASEAN atau negara-negara Islam.

"Gula yang diimport dari ne-

gara luar seperti Brazil, Thailand, China dan India hanya sekitar RM2 sekilogram tapi akibat aktiviti orang tengah harga meningkat.

"Sebaik tiba di pelabuhan, gula perlu melalui tiga lagi peringkat iaitu pengimport, pemborong dan pekedai. Saya pernah cadangkan kepada pihak kerajaan beberapa bulan lalu

supaya 'potong' tiga peringkat tersebut dan terus jual kepada pengguna," katanya.

Mengulas lanjut, Mustapa Kamal memberitahu, antara langkah yang boleh dilaksanakan kerajaan adalah mewujudkan satu syarikat diperbadankan atau konsortium untuk semua peniaga gula.